



## KENYATAAN MEDIA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

---

### 1. KAEDAH PENETAPAN HARGA FITRAH NEGERI JOHOR

Penetapan harga fitrah adalah berdasarkan kepada harga beras mengikut gred dan jenis **yang dimakan oleh kebanyakan penduduk Islam di negeri Johor** pada kadar timbangan **satu gantang Baghdad bersamaan 2.6 kilogram**.

Harga beras dan peratusan penggunaannya diperolehi daripada Bahagian Kawalselia Padi, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, pemborong dan peruncit yang ada di sekitar negeri Johor.

### 2. KETETAPAN HARGA FITRAH BAGI TAHUN 1441H / 2020M

Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor setelah disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah menetapkan kadar Zakat Fitrah bagi tahun 1441H bersamaan 2020M pada dua kadar **harga RM 10.00** (Sepuluh Ringgit Sahaja) dan **RM 7.00** (Tujuh Ringgit Sahaja)

#### i. **RM 7.00**

Umat Islam di negeri Johor yang menjadikan makanan hariannya beras daripada jenis Super Tempatan.

#### ii. **RM 10.00**

Umat Islam di negeri Johor yang menjadikan makanan hariannya beras selain daripada jenis Super Tempatan (Beras Import) seperti Beras Wangi, Beras Basmathi dan lain-lain.

### 3. SALURAN PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH

- 3.1 Bagi memenuhi keperluan masyarakat menunaikan ibadah zakat fitrah di dalam bulan Ramadhan termasuk dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), MAINJ telah menetapkan kaedah pembayaran **adalah melalui dalam talian internet (on-line) sahaja**.

### 3.2 Bayaran fitrah dalam talian (on-line)

lanya merupakan kaedah bayaran yang paling mudah dan selamat kerana pembayar zakat fitrah tidak perlu bergerak ke luar rumah dan bayaran dilaksanakan secara dalam talian internet di kediaman masing-masing.

Selepas transaksi disempurnakan dengan mengemukakan butiran peribadi yang lengkap, resit rasmi bayaran akan dihantar melalui email kepada pembayar.

Bayaran fitrah dalam talian internet digalakkan supaya ditunaikan bermula seawal menjelang Ramadhan. Selewat-lewatnya bayaran boleh dibuat sebelum jam 8.00 pagi pada 24 Mei 2020 ( sebelum Solat Hari Raya) bagi memastikan transaksi bayaran zapat diterima dengan sempurna.

3.3 Untuk kaedah bayaran zakat fitrah melalui dalam talian ini MAINJ menyediakan kemudahan berikut untuk pembayar :

#### a. Bayaran zakat fitrah melalui Zakat Johor Online Payment

**Link :**<http://www.epayment.maij.gov.my>

**Waktu beroperasi:** 1.00 pagi hingga 11.00 malam

**Caj bank** sebanyak RM 0.50 dikenakan kepada pemegang akauan untuk pembayaran melalui FPX selain daripada harga zakat fitrah bagi setiap transaksi bayaran.

Manual pembayaran sebagaimana dilampirkan.



b. **Portal Johor Online Payment (JOP).**

**Link :** <https://onlinepayment.johor.gov.my>

**Waktu beroperasi :** 1.00 pagi hingga 11.00 malam

**Caj bank** sebanyak RM 0.50 dikenakan kepada pemegang akaun untuk pembayaran melalui FPX selain daripada harga zakat fitrah bagi setiap transaksi bayaran.

Manual pembayaran sebagaimana dilampirkan.



c. **Portal SNAP N PAY Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).**

Melalui kaedah imbas QR KOD menggunakan telefon pintar dan pembayar boleh membuat bayaran melalui pilihan 18 buah bank.

**Waktu beroperasi :** 1.00 pagi hingga 11.00 malam

**Caj bank** sebanyak RM 0.50 dikenakan kepada pemegang akaun untuk pembayaran melalui FPX selain daripada harga zakat fitrah bagi setiap transaksi bayaran.

Manual pembayaran sebagaimana dilampirkan.



#### 4. UNJURAN PUNGUTAN FITRAH TAHUN 1441H / 2020M

**Unjuran pungutan fitrah** bagi tahun 1441H / 2020M adalah sebanyak **RM 15.9 juta dengan anggaran seramai 2.1 juta umat Islam di negeri Johor** akan membayar zakat fitrah.

Jumlah pembayar fitrah setiap tahun adalah hasil daripada kelahiran baru dan juga mereka yang berhijrah ke negeri Johor untuk bekerja dan sebagainya. Pengiraan unjuran ini mengambil kira keadaan ekonomi pada waktu kini, iaitu dengan mengambil nisbah **80** peratus adalah pembayar bayar bagi **RM 7.00** dan **20** peratus adalah pembayar **RM 10.00**

#### 5. TIADA BAYARAN ZAKAT FITRAH MELALUI AMIL FITRAH.

Setelah mengambil kira nasihat dan pandangan yang dikemukakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor, demi untuk menjaga masalah dan keselamatan amil fitrah daripada risiko penularan dan jangkitan wabak COVID-19, MAINJ memutuskan bagi tahun 1441H bersamaan 2020M ini, amil fitrah tidak ditugaskan membuat pungutan zakat fitrah.

#### 6. QADA' ZAKAT FITRAH

- 6.1 Seseorang individu Muslim yang masih tidak melunaskan zakatnya setelah mencukupi syarat-syarat wajib dikira berhutang dengan ALLAH SWT dan hutang kepada ALLAH ialah hutang yang paling utama wajib diselesaikan terlebih dahulu berbanding dengan hutang sesama manusia.
- 6.2 Dalam situasi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani wabak COVID-19 ini diharuskan Qada' Zakat Fitrah bagi mereka yang tidak dapat menunaikan kefardhuan zakat fitrah ini **selepas berusaha bersungguh-sungguh** untuk membayarnya melalui saluran yang disediakan tetapi tidak berjaya. Antara sebab yang diharuskan Qada' sebagaimana berikut :
  - i. Tidak mempunyai kemudahan internet atau telefon pintar yang boleh digunakan pembayaran melalui talian internet.
  - ii. Lokasi tempat tinggal yang terpencil dan terkeluar daripada liputan internet.

- iii. Tidak mempunyai anak atau saudara mara yang boleh membantu membuat bayaran secara dalam talian.
  - iv. Gagal membuat bayaran dalam talian disebabkan masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan setelah pelbagai usaha dilakukan.
- 6.3 Dalam keadaan tidak dapat menunaikan zakat fitrah itu, maka **wajib atasnya** melaksanakan Qada' zakat fitrah tersebut selewat-lewatnya sebelum berakhir 30 Syawal atau satu (1) bulan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- 6.4 Bayaran fitrah secara Qada' ini bolehlah ditunaikan di kaunter-kaunter zakat pejabat MAINJ daerah dan kaunter-kaunter bergerak yang akan disediakan.

## 7. KESALAHAN TIDAK MEMBAYAR ZAKAT DAN MEMUNGUT ZAKAT TANPA KEBENARAN

### Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor Tahun 1997 :

#### 1. “ Tidak membayar zakat atau fitrah”

Seksyen 16 iaitu mana- mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi:

- **enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar** zakat atau fitrah itu; atau
- **enggan membayar** atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu **melalui amil yang dilantik**, atau mana- mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah,

.... adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

#### 2. “ Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa ”

Seksyen 33 iaitu mana- mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah **tanpa dia dilantik sebagai amil** atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan **boleh didenda tidak melebihi tiga**

**ribu ringgit** atau **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun** atau kedua-duanya, dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 39 Enakmen Pentadbiran.

3. **“ Pembayaran tak sah akan zakat atau fitrah ”**

Seksyen 34 iaitu mana- mana orang yang membayar atau menyebabkan supaya dibayar zakat atau fitrah kepada mana mana orang yang tidak diberikuasa secara sah untuk memungut zakat atau fitrah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua- duanya.